

S1. *Apakah maksud bedah siasat mayat/postmortem ?*

J1. **Bedah siasat atau dalam istilah Bahasa Inggeris disebut *post mortem* bermaksud suatu pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan ke atas mayat. Ianya melibatkan pemeriksaan luaran dan dalaman untuk mengenalpasti punca kematian dan ciri atau setakat mana perubahan dihasilkan oleh sesuatu penyakit, kimia, radiasi, kemalangan, kecederaan dan lain-lain.**

S2. *Apakah jenis bedah siasat mayat yang terdapat ?*

J2. **Bedah siasat mayat terbahagi kepada 2 iaitu :**

- i. **Kes Kematian Medico-legal/Post mortem Kes Polis (Bedah siasat yang diarahkan oleh pihak polis), contohnya :**
 - a. **Semua kematian yang mendadak luar biasa, disyaki bukan kes-kes biasa, akibat perlakuan ganas seperti bunuh, dera atau seksa.**
 - b. **Kematian mendadak biasa tetapi tidak diketahui sebab kematian dari segi perubatan.**
 - c. **Kematian akibat kemalangan menggunakan kenderaan atau jentera.**
 - d. **Kematian di tempat kerja; kemalangan penyakit dan keracunan ditempat kerja.**
 - e. **Kematian akibat keracunan (e.g alcohol intoxication, coal gas, insecticides, barbiturates etc).**
 - f. **Kematian akibat bunuh diri.**
 - g. **Kematian akibat penggunaan gas-gas perubatan semasa pembedahan, prosedur penyiasatan perubatan, peralatan dan teknologi yang digunakan oleh hospital/klinik dan sebagainya.**
 - h. **Kematian akibat kemalangan di rumah, hospital/institusi/tempat umum.**
 - i. **Kematian yang dipercayai disebabkan oleh kecuaiian pegawai perubatan atau kakitangan hospital/klinik seperti kecuaiian menggunakan prosedur perubatan, peralatan, ubat, rawatan dan sebagainya.**
 - j. **Kematian semasa tahanan polis, tahanan reman, banduan atau mana yang dibenarkan oleh Negara di kem-kem tahanan.**
 - k. **Kematian di Institusi Mental, rumah sakit jiwa dan lain-lain.**
 - l. **Kematian bayi baru lahir yang dijumpai.**
 - m. **Kematian kanak-kanak akibat kelemasan ('suffocation') nafas.**
 - n. **Kematian berkaitan anak-anak angkat.**
 - o. **Sebarang kematian akibat kebakaran dan letupan.**

- p. Mati lemas.
 - q. Sebarang kematian di luar kawasan kediaman seperti di tepi jalan, dalam sungai, perairan dan sebagainya, di mana kediaman si mati tidak diketahui.
 - r. Kematian akibat dari bahan-bahan kimia dan radiasi perindustrian seperti toksid, asid, radioaktif dan sebagainya.
- ii. Kes Kematian Klinikal/Post mortem clinical (Kes di mana doktor yang merawat perlu mendapatkan kebenaran waris yang terdekat dan waris berhak untuk tidak membenarkan bedah siasat mayat dilakukan atau membenarkan bedah siasat dilakukan pada bahagian tertentu sahaja), contohnya :
- a. Kematian akibat penyakit berjangkit seperti Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS), AIDS, *Anthraks*, *Japanese Encephalitis* (JE) dan seumpamanya.
 - b. Kematian di wad yang diketahui sebabnya tetapi memerlukan maklumat lebih lanjut mengenai sebab kematian iaitu sejauh mana sesuatu organ itu rosak/dijangkiti.
 - c. Kematian ibu semasa mengandung (maternal death).

S3. *Apakah objektif bedah siasat mayat ?*

J3. **Pembedahan-pembedahan yang dilakukan ke atas mayat mempunyai objektif-objektif tertentu di antaranya :**

- i. Memenuhi keperluan undang-undang.
- ii. Untuk mengesahkan identiti si mati.
- iii. Untuk mengenalpasti sebab kematian.
- iv. Untuk mengetahui punca, cara dan masa kematian.
- v. Untuk menghilangkan keraguan mengenai sebab kematian.
- vi. Untuk menunjukkan penyakit dan kecacatan.
- vii. Untuk mengesan, menggambar dan mendokumenkan penyakit dan kecederaan luar serta dalam jasad.
- viii. Mendapatkan sampel untuk dikaji seperti kajian kuman, tisu abnormal dan lain-lain.
- ix. Untuk mengambil gambar dan rakaman video bagi tujuan bukti/barang kes di mahkamah.
- x. Untuk menyediakan laporan bertulis yang lengkap tentang penemuan dalam pemeriksaan mayat.

- xi. Untuk memberikan perkhidmatan pakar tentang interpretasi penemuan semasa pemeriksaan mayat.
- xii. Untuk memulih semula keadaan mayat yang cedera teruk sebaik mungkin sebelum diserahkan kepada waris.
- xiii. Untuk pengajian akademik, menjalankan kajian dan penyelidikan dalam bidang perubatan.
- xiv. Untuk meningkatkan kepakaran.
- xv. Untuk membuat kajian rawatan sesuatu penyakit.

S4. *Adakah mana-mana fatwa yang mengatakan bedah siasat boleh dilakukan dalam Islam?*

J4. **Keputusan fatwa :**

1. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-25 yang bersidang pada 13 disember 1989 telah memutuskan;
“Pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan (dharurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan *post mortem* atau si mati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup”.
2. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-61 yang sedang bersidang pada 27 Januari 2004 dalam membincangkan mengenai hukum bedah siasat mayat yang kematian bukan dikategorikan kes jenayah telah memutuskan;
“Hukum asal pembedahan mayat adalah haram tetapi **DIBOLEHKAN** sekiranya dalam keadaan dharurat dan terdapat keperluan yang mendesak seperti membuat kajian terhadap penyakit, mengenalpasti punca kematian dan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan”.

S5. *Apakah keperluan bedah siasat ?*

J5. **Keperluan bedah siasat adalah :**

- i. **Bedah siasat mayat dilakukan kerana ia keperluan undang-undang untuk membuktikan kebenaran dan menegakkan keadilan bagi si mati dan waris.**
- ii. **Bedah siasat mayat dapat mengelakkan perkara yang tidak diinginkan yang timbul seperti syak wasangka di masa hadapan setelah mayat dikebumikan.**
- iii. **Hasil bedah siasat mayat dapat digunakan bagi menyelamatkan dan melindungi orang ramai daripada penyakit berjangkit yang berbahaya pada masa akan datang seperti kes jangkitan virus e.g SARS/JE/Avian flu.**
- iv. **Bedah siasat mayat dapat menambah ilmu dan kepakaran dalam bidang perubatan agar pengalaman dan ilmu ini boleh digunakan kepada pesakit lain untuk peningkatan rawatan pada masa hadapan.**
- v. **Kajian daripada hasil bedah siasat mayat dapat meningkatkan tahap kesihatan dan keharmonian hidup masyarakat.**

S6. *Siapakah yang berhak memberikan kebenaran untuk bedah siasat mayat ?*

J6. **Kebeneran bagi menjalankan bedah siasat mayat tertakluk kepada :**

- a. **Arahan majistret atau polis bagi kes-kes kematian *kes polis*.**
- b. **Arahan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bagi kes-kes tertentu seperti penyakit berjangkit bawaan vektor atas kepentingan umum.**
- c. **Kebeneran dan keizinan bertulis dari waris bagi kes-kes bedah siasat klinikal.**

S7. *Adakah bedah siasat memerlukan kebenaran waris ?*

J7. **i. Bagi kes-kes bedah siasat kes Polis kebenaran dari waris tidak diperlukan untuk melakukan bedah siasat.**

ii. Bagi kes-kes bedah siasat klinikal, Pegawai Perubatan Kerajaan perlu mendapat kebenaran daripada waris untuk melakukan bedah siasat.

S8. Bolehkah bedah siasat dibatalkan ?

J8. **i. Bagi kes Polis, hanya pihak Polis boleh menarik balik arahan bedah siasat tersebut. Jika pembatalan berlaku, maka pihak Polis bertanggungjawab memberikan sebab kematian, bagaimana dan bila kematian itu berlaku.**

ii. Bagi kes bedah siasat klinikal, waris boleh menarik balik kebenaran bedah siasat bila-bila masa sahaja.

S9. *Apakah proses yang terdapat dalam bedah siasat mayat ?*

J9. **Proses bedah siasat mayat :**

i. Pemeriksaan Luaran.

Menjalankan pemeriksaan luaran untuk mendokumentasi kecederaan mayat. Pegawai Perubatan Kerajaan akan membuat pemeriksaan terperinci ke atas mayat antaranya pakaian si mati, keadaan mayat secara keseluruhan, perubahan-perubahan luaran yang berkaitan dengan kematian dan penyakit serta tanda-tanda kecederaan. Sekiranya sebab kematian dapat dikenalpasti atau tanpa ragu-ragu maka pembedahan mayat tidak lagi perlu dilaksanakan.

ii. Pemeriksaan Dalaman

Sekiranya pemeriksaan luaran masih tidak dapat mengenalpasti punca kematian, maka pemeriksaan dalaman perlu dijalankan. Ini termasuklah membuka tempurung kepala, rongga dada, abdomen, pelvis dan lain-lain anggota badan bila mana perlu.

iii. Pengambilan spesimen

laitu mengambil cecair badan untuk analisis toksikologi dan lain-lain ujian seperti pemeriksaan radiologi, kaji kuman, kaji tisu dan fotografi forensik.

S10. *Siapakah orang yang dibenarkan hadir semasa bedah siasat mayat ?*

J10. Hanya Pakar Perubatan Forensik/Pegawai Perubatan dan kakitangan forensik serta pihak Polis yang berkaitan sahaja dibenarkan berada di dalam bilik bedah siasat semasa ianya dijalankan.

S11. Adakah maruah/aurat jenazah ketika bedah siasat mayat di jaga ?

J11. Ya, maruah si mati di jaga semasa bedah siasat dilakukan. Orang yang melakukan bedah siasat mayat hendaklah tidak boleh dengan sengaja melihat aurat mayat kecuali pada kadar yang diperlukan sahaja.

S12. Bagaimanakah laporan bedah siasat boleh didapati ?

J12. i. Sekiranya Post mortem klinikal, waris boleh terus memohon di Jabatan Rekod hospital.

ii. Sekiranya kes Polis, perlulah mendapatkan kebenaran pihak Polis.

Sebahagian jawapan di ambil dari;

- 1. Garis Panduan Bedah Siasat Mayat Mengikut Perspektif Islam keluaran JAKIM 2006**
- 2. Kanun Prosedur Jenayah**

Disediakan bersama :

- 1. Dr Wan Mohamad Zamri B Wan Nawawi, Pakar Perubatan Forensik**
- 2. Dr Siti Wira Bt Mohd Yaro**